

# Jalinan kerjasama UMP, VAC bangun modal insan

Harian Metro (Akademia) 15/11/21 (mt 35)



DR Yuserrie (depan tengah) bertukar dokumen MoU dengan Mohd Arif (depan dua dari kanan) dalam majlis yang berlangsung di UMP Pekan.

Eschen dan Pengurus Besar Vacummschmelze Malaysia Sdn Bhd, Mohd Arif Zakaria. Manakala pihak VAC pula diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Vacummschmelze Germany, Dr Erik

Seiring dengan

Perancangan Pelan Strategik UMP 2021-2025 (UMP25), Prof Datuk Ts Dr Yuserrie berkata, kolaborasi ini bertepatan

**Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dan Vacuummschmelze (VAC) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi kerjasama industri, penyelidikan, pembangunan akademik dan pembangunan modal insan melalui penawaran pembiayaan biasiswa dan latihan industri kepada pelajar program dual ijazah di universiti ini.

MoU itu juga bakal membuka peluang kedua-dua pihak meneroka kerjasama yang dapat memberi manfaat kepada hubungan dua hala universiti-

industri terutama dalam menyediakan latihan dan perkongsian kepakaran dalam program kejuruteraan dan teknologi yang dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Majlis menandatangani MoU yang berlangsung secara hibrid itu ditandatangani oleh Naib Canselor UMP Profesor Datuk Ts Dr Yuserrie Zainudin dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Ts Dr Mohd Rosli Hainin bagi pihak UMP.

Manakala pihak VAC pula diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Vacummschmelze Germany, Dr Erik

dengan hasrat UMP yang sentiasa berusaha untuk melahirkan graduan yang kompeten bagi memenuhi kehendak industri.

"Kerjasama ini akan membabitkan perkongsian kepakaran teknikal, penyelidikan dan hubungan industri dengan pihak VAC dalam aspek kejuruteraan elektrik, mekatronik dan pembuatan serta teknologi," katanya.

Sementara itu, menurut Dr Erik, kolaborasi UMP dan VAC ini akan memperkuuhkan hubungan baik kedua-dua pihak dengan penawaran biasiswa untuk pelajar dual ijazah.

"Kami sangat

menghargai kerjasama erat ini dan mengucapkan tahniah atas pencapaian UMP yang bakal meraikan sambutan ulang tahun ke-20 UMP pada tahun hadapan," katanya.

Seramai tiga pelajar terpilih untuk menyiapkan projek tahun akhir (bachelor thesis) di VAC Hanau, Jerman pada semester ini dan turut menyaksikan majlis menandatangani MoU secara dalam talian.

Pelajar inti juga berpeluang untuk ditawarkan penempatan kerjaya di VAC, Pekan, Pahang apabila menamatkan program kelak.